

12 AUG 2002

Mustapa-Ekonomi

KEYAKINAN TERHADAP EKONOMI NEGARA TERUS KUKUH - MUSTAPA

PUTRAJAYA, 12 Ogos (Bernama) -- Keyakinan terhadap ekonomi Malaysia terus kukuh dengan pemulihan ekonomi terus berlaku walaupun pada kadar perlahan, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed.

"Ekonomi negara sedang beransur pulih dan keyakinan pelabur dan pengguna tempatan berada pada tahap yang tinggi," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Mengulas dakwaan pembangkang kononnya ramai pelabur bersedia membawa keluar pelaburan mereka dari negara ini dalam tempoh peralihan kuasa selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara tahun depan, Mustapa menyifatkannya sebagai dakyah pembangkang.

Dr Mahathir telah mengumumkan bahawa timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggantikannya sebagai perdana menteri selepas beliau bersara pada Oktober tahun depan.

"Malaysia stabil dan kukuh, peralihan kuasa yang lancar tidak akan menimbulkan apa-apa masalah," katanya.

Mustapa menjelaskan bahawa pelaburan juga banyak bergantung kepada iklim ekonomi dunia.

"Kalaupun ada sedikit kelembapan dalam pelaburan langsung asing (FDI) umpamanya akhir-akhir ini, ia ada kaitan dengan kelembapan ekonomi dunia," katanya.

Bagaimanapun katanya jika ekonomi dunia terus berkembang, ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih pesat.

Mustapa, yang juga ketua Perhubungan Umno Kelantan, juga menganggap PAS sebagai tidak konsisten dengan dasarnya berhubung pelaksanaan pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris.

Perbezaan pendapat antara kerajaan negeri Kelantan dan kerajaan negeri Terengganu berhubung pelaksanaan itu jelas menunjukkan ketidakkonsisten dasar parti pembangkang itu, katanya ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini berhubung perkara itu.

"Tujuan kerajaan ialah menjadikan Malaysia terus kompetitif di pasaran antarabangsa kerana kita kena ukur diri kita sendiri, bahasa Inggeris adalah penting untuk komunikasi serta sains dan teknologi.

"Yang kita lakukan ini bukan untuk kepentingan politik tapi untuk menjamin survival Malaysia sebagai sebuah negara terbuka," katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS NAK